

20 SEPTEMBER 2017

## Sembunyi bawah kain

# Sembunyi bawah kain

Helah seorang lelaki elak kena tahan AADK tidak menjadi

MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI

BUTTERWORTH - Seorang lelaki berusia 30-an bertindak menyembunyikan diri di bawah timbunan kain gara-gara mahu mengelak daripada ditahan se-pasukan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dalam Op Cegah, semalam.

Suspek pada mulanya cuba untuk melarikan diri namun tidak berjaya, sebelum bertindak membuat helah dengan menyorok di bawah timbunan kain.

Operasi ini dijalankan AADK Seberang Perai Utara di sekitar kawasan Pekan Darat, Kepala Batas serta Bagan Ajam.

Dalam pada itu, seorang lagi suspek berusia 20-an menyatakan kekesalannya tidak pergi kerja selepas ditahan dalam sebuah rumah di Kepala Batas.

Ketika serbuan dijalankan, suspek yang berada di dalam ru-

mah tersebut terkejut apabila menyedari kehadiran anggota AADK di hadapan rumahnya.

Suspek bagaimanapun tidak melawan dan hanya berseloroh mengatakan kesal kerana tidak mengikut keluarganya bermiaga.

Ketua Pegawai AADK Daerah Seberang Perai Utara, Zulkifli Alapitchay berkata, operasi dijalankan berdasarkan kepada aduan orang ramai dan hasil risikan.

"Seramai 10 individu berusia lingkungan 20 hingga 40 tahun ditahan dalam operasi ini.

"Hasil ujian saringan air kencing dijalankan, lima suspek positif dadah jenis *methamphetamine* dan dua positif dadah jenis morfin," katanya.

Menurutnya, kesemua yang ditahan merupakan warga tempatan dan mereka kini ditahan di bawah Seksyen 3(1) Akta Pencegahan Dadah 1983.



Hasrat suspek bertindak menyorok dalam timbunan kain baju untuk mengelak ditahan AADK tidak berjaya dalam operasi yang dijalankan semalam.

"Kesemua mereka dibawa ke Pejabat AADK Daerah Seberang Perai Utara untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Beliau berkata, orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai penagihan dadah diharap dapat menghubungi pihak AADK

untuk menyalurkan maklumat se-kiranya terdapat aktiviti tersebut di sekitar kawasan mereka.

"Buat masa ini masyarakat amat memberi kerjasama kepada pihak AADK berkaitan gejala penyalahgunaan dadah di sekitar kawasan mereka," katanya.